


Penggunaan Teknik Struktur Ayat (SKOP) dan Implikasinya Terhadap Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahap 2: Analisis Persepsi Guru

Ng Ching Yee *^a

^a SJKC Foon Yew 3, Johor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneliti keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu bagi murid Tahap 2 di sebuah sekolah rendah di Johor Bahru, Malaysia. Penulisan merupakan kemahiran asas yang penting, namun penguasaan tatabahasa dan penulisan yang tepat masih menjadi cabaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi guru terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP serta keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran penulisan murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik berskala Likert 5 mata dan ujian pra serta pasca untuk menilai kemahiran penulisan murid. Sampel kajian melibatkan 7 orang guru dan 338 orang murid Tahap 2, di mana intervensi SKOP dilaksanakan selama tiga bulan. Analisis min dan median menunjukkan kebanyakan item dalam soal selidik berada pada nilai yang hampir konsisten dengan skala 4 (Setuju), mencerminkan persepsi positif guru terhadap penggunaan teknik ini. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian penulisan murid Tahun 4, 5, dan 6, dengan peningkatan sebanyak 68.57% bagi murid Tahun 4, 24.60% bagi Tahun 5, dan 13.85% bagi Tahun 6. Data ini memberikan bukti empirik bahawa Teknik Struktur Ayat SKOP berkesan dalam membantu murid menyusun dan memahami struktur ayat, seterusnya meningkatkan kecekapan penulisan mereka. Kajian ini mencadangkan agar teknik ini diteruskan dan diperluaskan dalam kurikulum Bahasa Melayu, serta memberi implikasi penting kepada pendidik dan pembuat dasar untuk memperbaiki kemahiran penulisan murid di Malaysia secara lebih menyeluruh.

SEJARAH ARTIKEL

Received 13 Ogos, 2024

Revised 25 Ogos, 2024

Accepted 11 Sept, 2024

KATA KUNCI

Teknik Struktur ayat;
Bahasa Melayu;
Intervensi; Penulisan;
Keberkesanan.

The Use of Sentence Structure Technique (SKOP) and Its Implications on Malay Language Writing among Level 2 Pupils: A Teacher Perception Analysis

ABSTRACT

This study examines the effectiveness of the Sentence Structure Technique (SKOP) in teaching Malay language writing for Level 2 students at a primary school in Johor Bahru, Malaysia. Writing is an essential skill, yet students still face challenges in mastering grammar and accurate writing. Therefore, this study aims to evaluate teachers' perceptions of the SKOP technique and its effectiveness in improving students' writing skills. A quantitative approach was employed using a 5-point Likert scale questionnaire and pre- and post-tests to assess students' writing skills. The sample consisted of 7 teachers and 338 Level 2 students, with a three-month intervention of the SKOP technique. Analysis of the mean and median revealed that most items in the questionnaire consistently scored around 4 (Agree), indicating teachers' positive perceptions of this technique. The findings also demonstrated significant improvement in the writing performance of Year 4, 5, and 6 students, with increases of 68.57% for Year 4, 24.60% for Year 5, and 13.85% for Year 6. These empirical data provide evidence that the SKOP technique effectively helps students structure and understand sentences, thereby enhancing their writing proficiency. This study recommends that the SKOP technique be continued and expanded within the Malay language curriculum and highlights important implications for educators and policymakers in improving students' writing skills in Malaysia.

ARTICLE HISTORY

Received 13 August, 2024

Revised 25 August 2024

Accepted 11 Sept 2024

KEYWORDS

Sentence Structure Technique; Malay Language; Intervention; Writing; Effectiveness.

1. Pengenalan

Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah merupakan komponen asas yang penting dalam membina kemahiran berbahasa yang kukuh dalam kalangan murid di Malaysia. Di peringkat sekolah rendah, murid didedahkan dengan pelbagai teknik pengajaran tatabahasa dan penulisan bagi memastikan mereka dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Namun begitu, isu penguasaan kemahiran menulis dan tatabahasa dalam kalangan murid masih menjadi cabaran yang perlu ditangani secara berkesan. Keupayaan murid untuk membina ayat dengan tepat dan betul sering kali menjadi permasalahan, menyebabkan tahap pencapaian mereka dalam subjek Bahasa Melayu tidak memuaskan.

Permasalahan ini mendorong kepada kajian untuk menilai keberkesanan pelbagai pendekatan pengajaran yang dapat membantu murid menguasai penulisan ayat dengan lebih baik. Salah satu teknik yang diperkenalkan ialah Teknik Struktur Ayat Skop (SKOP), yang digunakan untuk membantu murid memahami struktur ayat dan memperbaiki kemahiran penulisan mereka. Teknik Struktur Ayat Skop (SKOP), yang merujuk kepada Subjek-Kata Kerja-Objek-Pelengkap, merupakan satu pendekatan berstruktur dalam pengajaran tatabahasa dan penulisan ayat Bahasa Melayu. Ia membantu murid memahami komponen utama dalam ayat dan cara menyusunnya secara gramatis.

Teknik ini dilihat sebagai satu kaedah yang sistematik, di mana murid dibimbing secara berperingkat dalam membina ayat yang lengkap dan tepat. Namun, masih terdapat kekurangan kajian empirikal yang menilai secara khusus keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam meningkatkan kemahiran penulisan ayat dalam kalangan murid Tahap 2 di sekolah rendah.

Kajian mengenai keberkesanan Teknik Struktur Ayat Skop dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah penting kerana ia berpotensi untuk memberikan panduan praktikal kepada guru-guru dalam memperbaiki kaedah pengajaran mereka. Teknik Struktur Ayat SKOP dilihat mampu membantu murid dalam memahami tatabahasa secara lebih mendalam dan sistematik, seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam penulisan ayat Bahasa Melayu. Kajian ini juga dapat memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan pedagogi Bahasa Melayu, terutamanya dalam membantu murid yang mempunyai kesulitan dalam menguasai kemahiran menulis. Selain itu, hasil kajian ini boleh digunakan oleh pembuat dasar dan pendidik untuk merangka strategi pengajaran yang lebih holistik dan berkesan dalam menghadapi cabaran era digital.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai persepsi guru terhadap penggunaan Teknik Struktur Ayat Skop (SKOP) dalam penulisan ayat Bahasa Melayu dan menilai keberkesanannya dalam kalangan murid Tahap 2 di sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sejauh mana Teknik Struktur Ayat SKOP mampu membantu murid meningkatkan kemahiran mereka dalam membina ayat yang tepat dan betul.

2. Sorotan Literatur

Persepsi guru terhadap teknik pengajaran SKOP, memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaannya dalam bilik darjah. Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan pelbagai faktor yang mempengaruhi persepsi guru, termasuk kualiti pengajaran, kemahiran profesional, dan sokongan yang diterima oleh guru. Ini disokong oleh kajian oleh Wangid, Mustadi & Mokshien (2020) membincangkan tentang kecekapan guru dalam pengajaran, yang mana kecekapan ini berkait rapat dengan persepsi guru terhadap kaedah pengajaran yang digunakan. Guru yang mempunyai kecekapan yang tinggi cenderung mempunyai persepsi positif terhadap teknik pengajaran baru, seperti SKOP. Begitu juga, kajian oleh Ramli dan Yusoff, (2020) menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri guru memainkan peranan dalam penerimaan mereka terhadap kaedah pengajaran yang berbeza. Guru yang yakin dengan kebolehan mereka lebih terbuka untuk mengadaptasi teknik pengajaran yang baru.

Selain itu, kajian oleh Khun-inkeeree et al., (2020) menekankan pentingnya penyeliaan pengajaran dalam meningkatkan efikasi guru, yang seterusnya dapat mempengaruhi persepsi mereka terhadap teknik pengajaran yang digunakan. Penyeliaan yang berkesan membantu guru untuk mengaplikasikan teknik seperti SKOP dengan lebih yakin dan berkesan. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Fanny et al. (2022) mengenai penggunaan pedagogi berinspirasi menyeronokkan menunjukkan bahawa pendekatan yang kreatif dan inovatif dalam pengajaran dapat meningkatkan keterlibatan guru dan murid, yang mana ini penting dalam konteks pelaksanaan SKOP di sekolah rendah. Ini menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap SKOP boleh dipengaruhi oleh bagaimana teknik tersebut mampu meningkatkan keterlibatan dan minat murid.

Tambahan pula, Karuppanan, Duari, & Mohamed Sultan (2021) dalam kajian mereka tentang komuniti pembelajaran profesional (PLC) menunjukkan bahawa amalan PLC mempunyai hubungan yang positif dengan efikasi guru. Guru yang terlibat dalam PLC cenderung untuk mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap teknik pengajaran seperti SKOP kerana mereka mendapat sokongan berterusan daripada rakan sejawat. Mahmood (2021) juga menekankan pentingnya maklum balas bertulis dalam pembelajaran, yang mana ini boleh mempengaruhi cara guru menilai keberkesanan teknik pengajaran yang digunakan. Maklum balas yang berkesan dapat membantu guru untuk menilai keberkesanan SKOP dan menyesuaikan teknik tersebut mengikut keperluan murid. Begitu juga, kajian yang dilakukan oleh Lodo (2021) mengenai persepsi murid terhadap strategi pengajaran menekankan bahawa persepsi murid juga memainkan peranan penting dalam bagaimana guru menilai teknik pengajaran. Guru yang menerima maklum balas positif daripada murid cenderung untuk mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap teknik yang digunakan.

Dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu, pelbagai strategi pembelajaran telah diteroka untuk meningkatkan kemahiran menulis dan penguasaan tatabahasa murid. Kajian-kajian ini telah memberikan sumbangan penting, namun penilaian keberkesanan dan batasan kaedah-kaedah ini sering kali diabaikan. Sebagai contoh, kajian oleh Yusuf et al. (2019) menunjukkan bahawa strategi pembelajaran koperatif dapat memperbaiki kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil ini memberi gambaran bahawa pendekatan ini berpotensi untuk diaplikasikan pada peringkat sekolah rendah. Namun, kajian ini terhad kepada murid sekolah menengah, dan tidak jelas bagaimana keberkesannya terhadap murid sekolah rendah yang mungkin mempunyai keperluan dan tahap kognitif yang berbeza.

Kajian oleh, Adam et al., (2017) pula menekankan bahawa pendekatan pengajaran kolaboratif yang menggabungkan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan literasi secara menyeluruh dalam kalangan murid sekolah rendah, termasuk kemahiran membaca dan menulis. Namun begitu, kajian ini kurang menekankan aspek spesifik dalam penulisan ayat, terutama dari segi penguasaan tatabahasa. Sementara itu, Yusof, Shaari, dan Ayob (2020) menekankan pentingnya strategi tatabahasa kontekstual dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Mereka mendapati bahawa strategi ini membantu murid memahami tatabahasa dengan lebih mendalam, namun kajian mereka tidak secara khusus menilai teknik pengajaran yang berstruktur seperti Teknik Struktur Ayat SKOP. Pendekatan tatabahasa kontekstual ini menunjukkan kesan positif, tetapi masih terdapat kelemahan dalam menyediakan kaedah yang lebih sistematik untuk membina ayat. Ahmad dan Zainal (2023) pula menunjukkan keberkesanan teknik *Jigsaw II* dalam pembelajaran tatabahasa. Teknik ini meningkatkan sikap dan pencapaian murid, namun sekali lagi, kajian ini tidak memfokuskan kepada struktur ayat yang lebih mendalam dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam penulisan ayat Bahasa Melayu yang lebih kompleks.

Selain itu, kajian Salleh (2021) mengenai pembelajaran berasaskan otak menunjukkan bahawa kaedah ini berkesan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi. Namun, fokus kajian Salleh adalah pada murid sekolah menengah, dan keberkesanan teknik ini pada murid sekolah rendah dalam konteks penulisan tatabahasa masih belum dijelaskan. Kajian ini memberi penekanan kepada aspek kognitif, tetapi kurang dalam memberi panduan yang jelas dalam pengajaran tatabahasa yang berstruktur. Menurut kajian Salleh (2021) pembelajaran kontekstual berjaya meningkatkan kemahiran kolaboratif murid. Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa kaedah yang melibatkan konteks harian murid boleh berkesan dalam meningkatkan pembelajaran, ia kurang memberi tumpuan kepada pembinaan struktur ayat secara langsung. Teknik Struktur Ayat SKOP menawarkan pendekatan berstruktur yang mengisi jurang ini dengan menumpukan pada penyusunan elemen ayat secara tersusun dan gramatis.

Kajian Ting dan Jintang (2020) mengenai *translanguaging* menekankan kepentingan menggunakan pelbagai bahasa untuk menyokong pembelajaran awal bahasa. Teknik Struktur Ayat SKOP pula lebih menumpukan kepada bahasa tunggal (Bahasa Melayu), tetapi *translanguaging* boleh diintegrasikan dalam SKOP untuk membantu murid mengaitkan struktur tatabahasa Melayu dengan bahasa yang mereka sudah kuasai. Walau bagaimanapun, *translanguaging* dan SKOP belum dikaji secara mendalam bersama dalam konteks sekolah rendah.

Di samping itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan seperti yang dibincangkan oleh Munuyandi et al. (2021), menunjukkan bahawa Quizizz sebagai alat penilaian formatif boleh meningkatkan pembelajaran tatabahasa. Walaupun demikian, integrasi teknologi dengan pendekatan tatabahasa tradisional seperti Teknik Struktur Ayat SKOP masih kurang dieksplorasi. Kajian ini menunjukkan potensi penggunaan teknologi, tetapi fokus kajian lebih kepada aspek penilaian daripada pengajaran (Munuyandi et al., 2021). Razali et al. (2021) serta Munuyandi et al. (2021) menekankan penggunaan teknologi seperti Quizizz dan kepentingan maklum balas bertulis dalam pengajaran tatabahasa. Teknik Struktur Ayat SKOP boleh mendapat manfaat daripada penilaian berasaskan teknologi untuk memantau kemajuan murid dalam memahami dan menyusun ayat. Namun, terdapat jurang dalam kajian yang melihat bagaimana teknologi seperti Quizizz dapat diintegrasikan dengan Teknik Struktur Ayat SKOP secara langsung untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran.

Daripada kajian-kajian yang dibincangkan, jelas bahawa pelbagai teknik pengajaran telah memberikan hasil positif dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa dan kemahiran menulis murid. Namun, terdapat kekurangan kajian

yang menilai secara khusus keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam membantu murid menyusun dan membina ayat yang gramatis. Namun terdapat kekurangan kajian empirikal khusus mengenai keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam membantu murid membina ayat yang gramatis Bahasa Melayu masih sangat kurang. Teknik Struktur Ayat SKOP yang berstruktur ini belum dikaji secara mendalam untuk dinilai bersama kaedah pengajaran lain seperti pembelajaran kontekstual atau teknologi pendidikan. Meskipun kajian-kajian sedia ada menunjukkan kejayaan teknik-teknik seperti pembelajaran kolaboratif, *translanguaging*, dan penggunaan teknologi dalam meningkatkan kemahiran bahasa, tetapi tiada penilaian yang mendalam mengenai kaedah yang lebih berstruktur seperti Teknik Struktur Ayat SKOP dalam konteks penulisan ayat Bahasa Melayu di sekolah rendah.

Justifikasi untuk meneroka kajian ini adalah untuk menutup jurang tersebut dengan mengkaji bagaimana Teknik Struktur Ayat SKOP boleh digunakan bersama pendekatan lain bagi memperkukuhkan kemahiran menulis murid sekolah rendah, terutamanya dalam pembinaan ayat yang gramatis. Justeru, kajian ini sangat relevan untuk diterokai kerana ia berpotensi memberikan panduan yang lebih spesifik kepada guru dalam pengajaran tatabahasa yang sistematik. Keberkesanan teknik ini dalam meningkatkan kemahiran penulisan murid masih belum dieksplorasi secara menyeluruh, dan kajian ini akan cuba menutup jurang tersebut.

3. Metodologi

Metodologi kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, dan analisis data. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengenalpasti dan mengukur persepsi guru terhadap pembelajaran Teknik Struktur Ayat SKOP serta keberkesanannya dalam penulisan ayat Bahasa Melayu Tahun 4,5,6.

Kajian ini menggunakan instrumen Soal Selidik Persepsi Guru Terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP dengan 5 skala Likert dan Instrumen Pentaksiran Bahasa Melayu melalui ujian pra dan ujian pasca dalam jangka masa 3 bulan untuk menilai keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam penulisan ayat gramatis murid Tahun 4, 5, dan 6 di sebuah sekolah rendah daerah Johor Bahru, Malaysia. Terdapat 5 konstruk dalam soal selidik Persepsi Guru terhadap penggunaan SKOP dalam penulisan Bahasa Melayu Tahun 4,5,6, iaitu Kefahaman Terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP, Keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam Pengajaran, Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar, Peningkatan Murid, dan Keterlibatan Murid.

Kajian ini melibatkan pengumpulan data sebelum dan selepas pelaksanaan Teknik Struktur Ayat SKOP untuk menentukan peningkatan kemahiran penulisan murid. Teknik persampelan bertujuan digunakan di mana murid dalam subjek Bahasa Melayu Tahun 4,5,6 dipilih sebagai peserta kajian. Sampel kajian terdiri daripada seramai 7 orang guru yang mengajar murid tahap 2, dan seramai 338 orang murid tahap 2, (113 orang murid Tahun 4, 95 orang murid Tahun 5, dan 130 orang murid Tahun 6). Instrumen kajian adalah berdasarkan kertas pentaksiran Bahasa Melayu. Sebelum pelaksanaan Teknik Struktur Ayat SKOP, semua murid akan menjalani ujian penulisan ayat gramatis. Ujian ini akan mengukur kemahiran penulisan murid berdasarkan struktur ayat yang betul dan penggunaan kata kerja, objek, dan pelengkap yang sesuai.

Prosedur kajian melibatkan beberapa langkah utama. Kajian ini telah mendapat kelulusan pentadbir di Institut Pendidikan kajian dilakukan. Murid yang terlibat dimaklumkan mengenai tujuan kajian dan persetujuan mereka diperolehi. Kertas soal selidik Bahasa Melayu kemudian diedarkan kepada murid yang terpilih. Murid diberikan masa yang mencukupi untuk menjawab soal selidik tersebut dalam suasana bilik darjah yang terkawal. Setelah pengumpulan data selesai, analisis statistik kuantitatif min, median dan peratus dilakukan untuk mengenal pasti pola dan trend dalam data yang dikumpul.

Ujian ujian pra akan dinilai menggunakan rubrik penilaian yang standard untuk menilai keupayaan murid dalam menulis ayat gramatis. Intervensi Teknik Struktur Ayat SKOP telah dijalankan selama 3 bulan. Guru diberi latihan intensif mengenai penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam pengajaran penulisan ayat. Latihan ini akan merangkumi cara mengajar subjek, kata kerja, objek, dan pelengkap dengan cara yang interaktif dan berkesan. Teknik

Struktur Ayat SKOP akan dilaksanakan dalam kelas selama tiga bulan. Setiap minggu, murid akan diberi latihan dan aktiviti penulisan yang berfokus kepada penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP. Guru akan memantau perkembangan murid dan memberi maklum balas serta bimbingan berterusan.

Selepas tiga bulan, murid akan menjalani ujian pasca ayat gramatis yang sama seperti ujian pra. Ujian pasca ini bertujuan untuk menilai perubahan dalam kemahiran penulisan murid selepas pelaksanaan Teknik Struktur Ayat SKOP. Hasil ujian pasca akan dinilai menggunakan rubrik yang sama untuk memastikan konsistensi dalam penilaian. Data daripada ujian pra dan ujian pasca akan dianalisis menggunakan peratusan untuk menentukan perbezaan yang signifikan dalam kemahiran penulisan murid sebelum dan selepas intervensi Teknik Struktur Ayat SKOP. Selain itu, analisis deskriptif akan digunakan untuk menilai persepsi guru mengenai keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP berdasarkan maklum balas mereka.

4. Dapatan Kajian

4.1 Persepsi guru terhadap SKOP

4.1.1. Analisis data demografi

Kajian ini melibatkan sekumpulan guru yang terdiri daripada seramai 7 orang guru, yang mengajar Tahap 2 di sekolah tersebut, iaitu 7 orang guru, 1 (14.3%) orang guru lelaki dan 6 (85.7%) orang guru perempuan. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Kategori umur yang diambil kira ialah (28.6%) guru kurang daripada 30 tahun, (14.3%) 30-39 tahun, (14.3%) 40-49 tahun, dan (42.9%) lebih daripada 50 tahun. Dengan merangkumi pelbagai peringkat umur, kajian ini dapat memahami persepsi dari perspektif guru-guru muda serta yang berpengalaman. Pengalaman mengajar merupakan satu lagi aspek penting yang diambil kira dalam kajian ini. Kategori pengalaman mengajar yang dikaji ialah (28.6%) kurang daripada 5 tahun, (14.3%) 5-10 tahun, (0%) 11-15 tahun, dan (57.1%) lebih daripada 15 tahun. Data ini membantu dalam menilai bagaimana pengalaman mengajar mempengaruhi persepsi terhadap penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam pengajaran. Tahap pendidikan guru juga diambil kira dalam kajian ini. Guru-guru dikategorikan berdasarkan tahap pendidikan mereka terdiri daripada 100% guru Ijazah Sarjana Muda. Tahap pendidikan ini penting untuk melihat bagaimana latar belakang akademik mempengaruhi persepsi guru terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP. Lokasi bandar sekolah juga merupakan faktor penting dalam kajian ini. Dengan memasukkan lokasi sekolah, kajian ini dapat menilai jika terdapat perbezaan persepsi antara guru yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar mengenai keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP.

4.1.2. Analisis persepsi guru terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP

Data yang dikumpulkan menunjukkan persepsi guru terhadap keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam pengajaran penulisan ayat Bahasa Melayu Tahun 4,5,6. Item-item dalam soal selidik ini merangkumi pelbagai aspek persepsi guru, dari kefahaman konsep hingga kepada keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Skala yang digunakan adalah dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Secara keseluruhan, majoriti responden memberikan penilaian yang konsisten terhadap setiap item dalam soal selidik ini. Kebanyakan nilai yang diberikan adalah '4', menunjukkan bahawa responden 'Setuju' dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa secara umum, guru-guru mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam pengajaran penulisan ayat Bahasa Melayu.

Jadual 1 Analisis Persepsi Guru Terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP dalam Penulisan Ayat Bahasa Melayu

Bil	Items	Min	Median
1	Saya memahami konsep Teknik Struktur Ayat SKOP dengan baik.	4.13	4.00

2	Teknik Struktur Ayat SKOP membantu saya dalam mengajar penulisan ayat Bahasa Melayu.	4.13	4.00
3	Bahan bantu mengajar untuk Teknik Struktur Ayat SKOP mencukupi dan berkesan.	4.00	4.00
4	Murid saya menunjukkan peningkatan dalam penulisan ayat selepas menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP.	4.00	4.00
5	Teknik Struktur Ayat SKOP membantu murid memahami struktur ayat dengan lebih baik.	4.00	4.00
6	Murid lebih berminat dalam pembelajaran penulisan ayat menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP.	4.00	4.00
7	Murid lebih aktif dan terlibat dalam aktiviti penulisan dengan menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP.	4.00	4.00
8	Saya melihat peningkatan ketara dalam kemampuan murid membina ayat yang gramatis.	4.00	4.00
9	Penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP memudahkan saya menilai penulisan murid.	4.00	4.00
10	Saya berasa yakin dalam mengajar penulisan ayat menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP.	3.88	4.00
11	Saya berasa yakin dalam mengajar penulisan ayat menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP.	4.00	4.00
12	Saya menerima sokongan yang mencukupi untuk melaksanakan Teknik Struktur Ayat SKOP di dalam kelas.	4.00	4.00
13	Saya berasa Teknik Struktur Ayat SKOP adalah alat yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran penulisan murid.	4.00	4.00
14	Saya berpendapat bahawa Teknik Struktur Ayat SKOP patut diterapkan dalam kurikulum penulisan Bahasa Melayu secara meluas.	3.88	4.00
Purata		4.00	4.00

Berdasarkan analisis min dan median, kebanyakan item dalam soal selidik ini menunjukkan nilai yang hampir konsisten dengan skala 4 (Setuju). Ini mencerminkan persepsi guru yang umumnya positif terhadap penggunaan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam penulisan ayat Bahasa Melayu. Berikut adalah beberapa dapatan penting: Didapati dalam Kefahaman Terhadap Teknik Struktur Ayat SKOP, Kebanyakan guru menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konsep Teknik Struktur Ayat SKOP, dengan min dan median berada pada skala 4. Konstruk Keberkesanan Teknik Struktur Ayat SKOP dalam Pengajaran, guru-guru bersetuju bahawa Teknik Struktur Ayat SKOP membantu mereka dalam mengajar penulisan ayat Bahasa Melayu. Ini dibuktikan oleh nilai min dan median yang konsisten pada skala 4. Konstruk Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar menunjukkan Persepsi guru terhadap bahan bantu mengajar untuk Teknik Struktur Ayat SKOP adalah mencukupi dan berkesan, dengan nilai min dan median juga berada pada skala 4. Konstruk Peningkatan Murid, guru-guru mengakui terdapat peningkatan dalam penulisan ayat murid selepas menggunakan Teknik Struktur Ayat SKOP, yang mana nilai min adalah 4.0 dan median juga 4.0. Konstruk Keterlibatan Murid, iaitu Persepsi terhadap keterlibatan murid dalam aktiviti penulisan menunjukkan hasil positif, dengan min dan median kebanyakan item berada pada skala 4.

4.2 Keberkesanan SKOP dalam penulisan Bahasa Melayu

4.2.1 Keberkesanan teknik struktur ayat SKOP

Jadual 2 memaparkan data keberkesanan program pembelajaran Teknik Struktur Ayat SKOP dalam penulisan Bahasa Melayu untuk murid Tahun 4,5,6 sekolah rendah. Berikut adalah analisis terperinci berdasarkan data yang diberikan:

Jadual 2 Keberkesanan Pembelajaran SKOP (Tahun 4)

Kelas	Bil murid	Sebelum Program (Mac)	Selepas Program (Jun)	Anjakan (Peningkatan)	Bilangan peningkatan Menguasai (%)
4D	28	12	19	+7	25
4Z	27	12	15	+3	11.11
4T	32	27	30	+3	9.38
4Q	26	13	19	+6	23.08
Keseluruhan	113	64	83	+19	68.57

Kelas 4D dan 4Q menunjukkan peningkatan yang signifikan dengan masing-masing +7 dan +6 murid menguasai penulisan karangan. Kelas 4T dan 4Z menunjukkan peningkatan yang sederhana dengan masing-masing +3 murid.

Jadual 3 Keberkesanan Pembelajaran SKOP (Tahun 5)

Kelas	Bilangan Murid	Sebelum Program (Mac)	Selepas Program (Jun)	Anjakan (Peningkatan)	Bilangan Peningkatan Menguasai (%)
5D	29	14	18	+4	13.79
5Z	37	30	34	+4	10.81
5T	29	5	5	0	0
Keseluruhan	95	49	57	+8	24.60

Kelas 5D dan 5Z menunjukkan peningkatan yang baik dengan masing-masing +4 murid menguasai penulisan karangan. Kelas 5T tidak menunjukkan sebarang peningkatan.

Jadual 4 Keberkesanan Pembelajaran SKOP (Tahun 6)

Kelas	Bilangan Murid	Sebelum Program (Mac)	Selepas Program (Jun)	Anjakan (Peningkatan)	Bilangan Peningkatan Menguasai (%)
6D	35	30	35	+5	14.29
6Z	29	16	20	+4	13.79
6T	28	16	20	+4	14.29
6Q	28	12	17	+5	17.86
Keseluruhan	130	74	92	+18	13.85

Semua kelas menunjukkan peningkatan yang baik, dengan Kelas 6D dan 6Q menunjukkan peningkatan +5 murid menguasai penulisan karangan. Kelas 6Z dan 6T masing-masing menunjukkan peningkatan +4 murid.

Berdasarkan data dalam jadual keberkesanan pembelajaran SKOP bagi Tahun 4, 5, dan 6, terdapat pelbagai tahap peningkatan dalam penguasaan penulisan karangan murid. Bagi murid Tahun 4, kelas 4D dan 4Q menunjukkan peningkatan yang signifikan dengan masing-masing penambahan +7 dan +6 murid yang menguasai penulisan karangan. Kelas 4T dan 4Z pula menunjukkan peningkatan sederhana dengan masing-masing penambahan +3 murid. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan +19 murid yang menguasai penulisan karangan daripada 64/113 kepada 83/112, mewakili peningkatan sebanyak 68.57%.

Bagi murid Tahun 5, kelas 5D dan 5Z menunjukkan peningkatan yang baik dengan penambahan +4 murid masing-masing, menguasai penulisan karangan. Namun, kelas 5T tidak menunjukkan sebarang peningkatan dalam tempoh program ini. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan +8 murid yang menguasai penulisan karangan, iaitu daripada 49/95 kepada 57/95, mewakili peningkatan sebanyak 24.60%.

Manakala bagi murid Tahun 6, semua kelas menunjukkan peningkatan yang baik. Kelas 6D dan 6Q masing-masing menunjukkan penambahan +5 murid yang menguasai penulisan karangan, manakala kelas 6Z dan 6T masing-masing menunjukkan peningkatan +4 murid. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan +18 murid yang menguasai penulisan karangan, iaitu daripada 74/130 kepada 92/130, mewakili peningkatan sebanyak 13.85%.

Daripada analisis ini, dapat disimpulkan bahawa program SKOP telah memberikan impak yang positif terhadap penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid Tahun 4, 5, dan 6, dengan peningkatan yang lebih ketara dalam kelas-kelas tertentu.

5. Perbincangan

5.1 Persepsi guru terhadap pembelajaran Teknik Struktur Ayat SKOP

